

Dasar Kebersihan Negara dilancar

BH ONLINE | Jumaat, 1 November 2019 | 9:00am



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin. - Foto Mohd Yusni Ariffin

KUALA LUMPUR: Dasar Kebersihan Negara dilancarkan Ahad ini dalam usaha menjadikan Malaysia negara bersih, mempromosi kesejahteraan hidup dan kelestarian alam sekitar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata inisiatif ini yang menjadi garis panduan diperkenal bagi membudayakan masyarakat dengan amalan kebersihan dalam kehidupan harian.

Katanya, dasar ini akan bertumpu di semua kediaman projek perumahan rakyat (PPR) di seluruh negara.

“Sudah tiba masa kita memberikan satu garis panduan dan hala tuju bagaimana mengurus sisa pepejal negara, sampah fizikal daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), sampah seperti ‘scrap metal’, bahan buangan pembinaan, ‘botanical waste’ dan ‘e-waste’.

“Ini semua kita adakan garis panduan dalam dasar ini supaya pengurusan sampah di negara ini lebih menyeluruh dan kondusif,” katanya pada sidang media di Parlimen.

Dasar kali pertama diperkenalkan itu dijadual dilancarkan di PPR Tehel, Melaka oleh Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, pelaksanaan dasar ini akan memfokuskan lima kluster iaitu kesedaran mengenai kebersihan; kelestarian alam sekitar dan ekonomi kitaran.

Dua lagi kluster ialah tadbir urus dan penguatkuasaan serta modal insan yang berkualiti dan berkemahiran.